

UMS jadi peneraju penyelidikan, inovasi

BH 21.11.2013 2

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi peneraju penyelidikan dan inovasi bagi membantu Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dalam pembangunan serta penyelesaian masalah komuniti di ibu negeri.

Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir, berkata UMS adalah entiti berkualiti dalam mengaplikasikan pendekatan penyelidikan ke dalam pelbagai dasar rangka kerja program serta projek yang dirancang DBKK.

"Universiti seperti UMS boleh berperanan dalam landscape pembangunan dan penyelesaian strategik permasalahan komuniti, selain

merealisasikan visi dan misi kerajaan melahirkan komuniti berilmu dan berinovasi.

Cetus kejayaan

"UMS juga mencetus kejayaan dalam pelbagai bidang seperti pembangunan minda masyarakat, pemakanan sihat, ekosistem subur dan menjadikan ekologi serta habitat persekitaran kita amat seronok didiami," katanya sempena Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi dan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Abidin berkata, pembabitatan dan sokongan UMS dan



Bakal graduan menyertai Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS dari Dewan Masyarakat Kota Kinabalu ke pekarangan pejabat DBKK.

[FOTO MALAI ROSMAH TUAH/BH]

setiap lapisan masyarakat di bandar raya ini dapat membantu DBKK mencapai visi menjadikan Kota Kinabalu bandar raya peranginan semulajadi dengan pembangunan mampan, mesra dan sejahtera menjelang 2020.

Sementara itu, Mohd Harun berkata, 4,551 pelajar Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah akan diraikan pada Konvokesyen UMS ke-15 pada 23 hingga 25 November ini.